U 8483 BAH
MAHATHIR-KAJIAN

KUALA KUBU BARU, 19 DIS (BERNAMA) -- DATUK SRI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG MENGENDALIKAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MENGAMALKAN PENDEKATAN KAJIAN PROJEK BESAR-BESARAN DARIPADA SECARA KECIL-KECILAN YANG DIAMALI SEKARANG.

KATANYA, KAJIAN SECARA KECILAN BUKAN SAHAJA MENIMBULKAN SAINGAN DALAM PEMASARAN, IA TIDAK MEMBERI JAMINAN SESUATU PROJEK ITU DAPAT BERGERAK LEBIH MAJU.

PERDANA MENTERI MEMBUAT ARAHAN ITU SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN ULU SELANGOR DI BILIK GERAKAN PEJABAT DAERAH ITU, DI SINI.

TAKLIMAT ITU DISAMPAIKAN OLEH PEGAWAI DAERAH ULU SELANGOR, HAJI SHAFIE HAJI ISMAIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT ULU SELANGOR MEMPUNYAI POTENSI YANG BAIK DALAM PROJEK PERTANIAN TERUTAMA BAGI PENGHASILAN BAHAN-BAHAN PERTANIAN SEPERTI LENGKUAS, PANDAN DAN PISANG. --LAGI
1233MST 19 12 88

0564
U 8483 BAH
MAHATHIR-KAJIAN 2 KUALA KUBU BARU

BAHAN-BAHAN PERTANIAN ITU MEMPUNYAI PASARAN TERSEDIA DI KUALA LUMPUR DAN LEMBAH KELANG.

KATANYA, LUASNYA KAWASAN TANAH YANG TERBIAR YANG AGAK LUAS DI ULU SELANGOR, KAJIAN UNTUK MEMULIHKANNYA HENDAKLAH DIBUAT.

PERDANA MENTERI JUGA MENYARANKAN PROJEK-PROJEK PERTANIAN YANG DIJALANKAN SECARA BESAR-BESARAN PERLULAH DIJALANKAN OLEH MEREKA YANG BERPENGALAMAN ATAU PAKAR DALAM BIDANG MASING-MASING.

PARA BELIA DAN SISWA MENGANGGUR YANG TIDAK BERPENGALAMAN HENDAKLAH DIAMBIL BEKERJA DI PROJEK-PROJEK BERKENAAN UNTUK MENIMBA PENGALAMAN, KATANYA. -- BERNAMA
1235MST 19 12 88